

ULASAN BUKU *ISU NUKLEAR IRAN DAN KEPENTINGAN AMERIKA SYARIKAT* OLEH RIKI RAHMAN DAN ZARINA OTHMAN, BANGI, PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) PRESS, 2020, 216 pp, ISBN: 9789674128395^{© Σ}

AINI FATIHAH ROSLAM* DAN HOO CHIEW-PING[†]

Tidak banyak penulisan ilmiah dan rujukan autoritatif Sains Politik, Hubungan Antarabangsa serta Keselamatan Kontemporari dalam bahasa Melayu, khususnya mengenai nuklear dan pertembungan adi kuasa seperti Amerika Syarikat (AS) dengan Iran di rantau Timur Tengah, yang sinonim dengan ancaman persenjataan tersebut. Bahkan pula, tidak dapat dinafikan akibat daripada kekurangan bacaan ilmiah kontemporari dalam isu dunia dan keselamatan antarabangsa dalam Bahasa Malaysia amat memberi kesan kepada pengetahuan masyarakat umum mengenai nuklear. Tatkala negara melalui pelaksanaan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penggunaan meluas medium komunikasi dalam talian bagi aktiviti diskusi, pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan, penulisan terkini mengenai perihal keselamatan dunia dan tempasnya pada negara sewajarnya dialu-alukan. Karya yang diterbitkan pada tahun 2020 ini amat penting serta diperlukan oleh pembaca dan peminat isu nuklear, kuasa besar serta keamanan di Timur Tengah, khususnya sarjana dan pensyarah dengan mahasiswa di universiti, serta guru dengan para pelajar di sekolah untuk membaca, mengupas serta berbahas secara seimbang tetapi kritis mengenai padangan sarjana berpengaruh Malaysia iaitu para penulis dalam isu nuklear AS dan kebenaran ancaman Iran dalam sistem antarabangsa

Justeru, karya berjudul *Isu Nuklear Iran dan Kepentingan Amerika Syarikat* tulisan asli oleh sarjana berpengaruh negara, Riki Rahman dan Zarina Othman wajar menjadi bacaan umum sesuai untuk pelajar di peringkat sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Buku keluaran serta edaran Penerbit UKM yang tersohor amat bersesuaian dengan situasi semasa, terutamanya tatkala negara bergelumbang dengan pandemik dan dunia dikejutkan dengan sekuriti makanan akibat konflik Russia dengan Ukrain serta spekulasi penggunaan persenjataan nuklear yang membimbangkan. Pada masa sama, peralihan daripada pentadbiran sepejabat Presiden Donald Trump kepada Presiden Joe

[©] Para Penulis.2022. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta [*creative common* (CC)]: <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan SINERGI)

^Σ **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 12 Disember 2021; Tarikh penerimaan: 4 April 2022; Tarikh Penerbitan: 1 Disember 2022.

* **Penulis Pertama dan Penulis Penghubung:** Aini Fatimah Roslam, PhD (UKM), Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Hubungan Antarabangsa, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. Email: ainifatimahroslam@unisza.edu.my

[†] **Penulis Kedua:** Hoo Chiew-Ping, PhD (*La Trobe*), Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Politik Sejarah dan Hal Ehwat Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: hoo@ukm.edu.my

Biden menjadi suatu permulaan optimis bagi para sarjana dunia dan Malaysia yang berpadangan bahawa ini adalah masa yang sesuai bagi Washington untuk memulihkan hubungan tegang dengan Tehran yang sedia terkesan dengan pelbagai sekatan ekoran ketiadaan pilihan dasar luar yang lebih fleksibel.

Buku ini mengandungi tujuh bab utama yang mencakupi pelbagai aspek terkini mengenai nuklear, kepentingan AS dan Iran dalam konteks Timur Tengah dan masyarakat antarabangsa. Secara keseluruhan, buku ini cuba merungkai tiga tema utama; pertama, bagaimana nuklear menjadi objek yang dianggap mengancam kepentingan Amerika Syarikat di Timur Tengah, dan Iran dilabel sebagai punca ketidakstabilan dunia. Tema kedua berkisar tentang pilihan strategi dan dasar luar Iran dalam bertindakbalas terhadap tekanan AS serta usaha Tehran untuk mengukuhkan pengaruhnya, khususnya sewaktu pentadbiran Presiden Mahmoud Ahmadinejad dan tema ketiga karya menegaskan kepentingan strategik dan ekonomi AS sebagai antara punca dasar dan motif perdana modus operandi AS di Iran dan Timur Tengah.

Selain bab pengenalan (Bab Satu) yang menjelaskan objektif dan keperluan penulisan mengenai nuklear, dan kepentingan AS dengan Iran disajikan untuk mencabar minda pembaca, Bab Dua sarat dengan penjelasan teori secara analitis serta kritis, sekaligus mencerminkan kepakaran serta tradisi intelek para penulis untuk mengimbangi kupasan penghujahan kompleks dengan kesesuaian bacaan umum pelbagai peringkat. Dalam bab tersebut, penekanan utama diberikan pada konsep terpenting dalam perbahasan keselamatan dan persenjataan nuklear, hagemoni AS dan geopolitik Iran sebagai satu-satunya kuasa politik Syiah yang dikelilingi negara Arab dengan kepelbagaian bentuk interaksi kuasa Barat di Timur Tengah. Dalam Bab Tiga, penulis mengingatkan para pembaca dengan sejarah serta pembangunan nuklear Iran manakala Bab Empat memfokuskan keadaan bagaimana nuklear menjadi objek utama yang mendasari peningkatan ketegangan hubungan Tehran dengan Washington serta peningkatan pelbagai bentuk sekatan yang dideritai oleh Iran.

Sementara Bab Lima membawa pembaca kepada fokus utama yang mendasari ketegangan hubungan AS-Iran dan persepsi Iran sebagai suatu ancaman nuklear dan punca ketidakstabilan Timur Tengah yang sedia terbejat dengan pelbagai bahana konflik berpanjangan. Tema kepentingan nasional dan strategik AS dalam pelbagai dimensi dan sifat yang menyokong usaha meneruskan dominasi hegemoni adikuasa tersebut dirantau bergolak tidak mudah untuk ditepis dan mustahil untuk dinafikan. Pada masa yang sama, Bab Enam melanjutkan penjelasan kepentingan AS namun lebih berfokus kepada kedudukan Iran dan nilai sebenar ekonomi Tehran yang dimomokkan sebagai Paksi Kejahatan (Axis of Evil) semenjak peristiwa 11, September 2001 dan peluncuran kempen peperangan global melawan pengganasan bagi mejustifikasikan eksploitasi AS terhadap sumber minyak dan posisi Timur Tengah, Teluk Parsi, Laut Merah, Terusan Suez, Asia Tengah dan Asia Selatan dalam menyokong hegemoni ekonomi dan eksploitasi kuasa besar tersebut.

Pada Bab Tujuh yang berfungsi sebagai kesimpulan, adalah sukar untuk pembaca berbeza pendirian dengan jalan penceritaan, naratif dan perspektif para penulis yang

berupaya mengolah fakta dan laporan di dada akhbar dalam suatu bingkisan penulisan ilmiah yang jitu dan terbukti mendukung motif tidak adil AS dalam sistem anatarabangsa semasa serta mengukuhkan lagi konotasi negatif masyarakat global dan dunia Islam yang terkesan dan mengalami kesukaran akibat daripada ketidakadilan orde dunia pimpinan dan kecenderungan AS untuk campur tangan bagi meneruskan perbalahan dan bukannya meleraikan sengketa konflik di Iran atau mana-mana negara yang lain yang berani berbeza pendirian secara keras dengan kuasa besar tersebut.

Pada bahagian ini, penulis mengupas ulasan buku ini dengan lebih terperinci. Karya ini dimulai dengan Bab Pertama sebagai pengenalan. Menerusi bab mukadimah para ini, penulis menerangkan latar belakang nuklear Iran yang telah bermula sebelum berlakunya Revolusi Islam Iran (1979). Iran pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Monarki sekular dan berkuasa mutlak Mohammad Reza Pahlavi (1941-1979) atau lebih dikenali sebagai Shah Iran. Tempoh pemerintahan beliau memperlihatkan hubungan Iran masih terjalin akrab sebagai sekutu utama antara AS dan Israel pada zaman sewaktu bermula dan berakhirnya Perang Dunia Kedua. Mulai dekad 1970an, Shah Iran berhasrat untuk membina infrastruktur yang berupaya menjana tenaga elektrik berkapasiti 23,000 megawatt dengan bersumber daripada tenaga nuklear. Iran juga bersetuju menandatangani Perjanjian Non-Proliferasi (*Non-Proliferation Treaty*), bahawa Tehran bersetuju tidak akan membangunkan nuklear untuk persenjataan atau tujuan mengukuhkan pertahanan. AS dan negara Eropah pada mulanya turut menyokong hasrat modenisasi Iran untuk membangunkan program nuklear bagi keperluan pembangunan industri dan ekonomi negara. Wilayah Bushehr, yang terletak di selatan Teluk Parsi, menjadi lokasi pertama pembinaan nuklear yang dibantu oleh syarikat dari Jerman dan Perancis. Namun ketika Ayatullah Khomeini berjaya menggulingkan Shah Iran serta pasca-Revolusi Iran (1979), aktiviti projek pembangunan nuklear ditamatkan kerana Khomeini tidak mahu Iran bergantung kepada negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, pada 1995 dengan dengan bantuan Rusia, Iran di bawah kepimpinan Presiden Hashemi Rafsanjani memutuskan untuk menghidupkan semula cita-cita nuklear Iran serta berjaya melanjutkan semula projek pembangunan nuklear di wilayah yang sama dengan lokasi awal pelan loji nuklear dirancang semasa era Shah Iran.

Ironinya dalam Bab Satu ini penulis menegaskan bahawa projek yang telah terhenti beberapa dekad telah dihidupkan kembali dan diteruskan oleh presiden berikutnya, Mohammad Khatami. Menyedari hakikat semasa dan hubungan dingin Tehran dengan AS, pada 21 Oktober 2003, Kesatuan Eropah (EU-3) berjaya memujuk Iran untuk menangguhkan segala aktiviti pengayaan uranium dan pemrosesan semula uranium. Apabila Ahmadinejad dipilih menjadi presiden Iran yang keenam pada 2005, pembangunan nuklear merupakan agenda utama yang beliau laksanakan. Selama kepimpinan beliau, pelbagai upaya telah dijalankan bagi meningkatkan lagi keupayaan nuklear Iran menerusi pengayaan uranium beserta kontroversi Iran dalam berhadapan dengan AS dan kuasa barat lain menerusi desakan Iran membuka pintu negaranya bagi lawatan dan pemantauan berkala oleh delegasi Agensi Tenaga Atom Anatarabangsa (IAEA) PBB. Presiden Ahmadinejad mengatakan bahawa tujuan pembangunan nuklear Iran adalah semata-mata untuk perdamaian dan kemajuan pembangunan negaranya.

Bukan rahsia lagi bahawa selama masa kepimpinan Ahmadinejad, nuklear Iran adalah isu panas yang hangat dibincangkan di persada politik antarabangsa hingga menimbulkan kontroversi bahkan perbalahan antara Iran dengan Amerika Syarikat. Meskipun demikian, Amerika Syarikat dan sekutu rapatnya di Timur Tengah, iaitu Israel menentang habis-habisan dan memaksa Iran agar menamatkan program nuklearnya tersebut. Persoalannya, mengapa Amerika Syarikat berkeras memaksa Iran untuk menamatkan projek pembangunan nuklearnya sedangkan Iran menyatakan bahawa tujuan program nuklearnya adalah untuk perdamaian dan kemajuan negaranya.

Pada Bab Kedua, penulis mengenengahkan keupayaan analitis dan kritis bagi membawa minda pembaca untuk mempertimbangkan asumsi, konsep serta penjelasan teori yang mendasari kefahaman disiplin Pengajian Strategik, Hubungan sesama negara dan Keselamatan Antarabangsa terhadap sesuatu fenomena global yang berlaku dan bagaimana sesuatu isu yang dilabel sebagai sumber ancaman keselamatan dan keamanan antarabangsa boleh menerangkan interaksi antara pelbagai dan jenis negara, khususnya AS sebagai kuasa besar dan Iran sebagai aktor antagonis kepada arus order barat dalam sistem antarabangsa. Justeru, Bab Dua karya ini membawa pembaca menelusuri teori dan konsep-konsep utama yang diguna pakai bagi menganalisis isu nuklear Iran dan hubungan negara tersebut dengan Amerika Syarikat. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Neo-realisme. Manakala dari segi konsep pula, kajian ini mengaplikasikan konsep kuasa, kuasa rantau, keseimbangan kuasa, hegemoni dan konsep dasar luar. Perkaitan secara teoretikal dengan penemuan-penemuan empirik diaplikasikan dan diperjelaskan dalam perbincangan bab-bab berikutnya bagi mengukuhkan tiga tema utama dalam karya ini.

Dalam Bab Ketiga, Pembangunan Nuklear Iran meneroka program pembangunan nuklear Iran dari sudut sejarah dan evolusi perkembangannya mutakhir ini. Huraian yang dikemukakan mengambil kira era sebelum dan selepas Revolusi Islam 1979, yang menyaksikan bermulanya peningkatan ketegangann hubungan bilateral dengan AS dan memuncak sewaktu kepimpinan Mahmoud Ahmadinejad. Turut dibincangkan adalah tujuan dan mengapa nuklear itu diperlukan Iran. Penulis berusaha membawa minda pembaca kepada perbandingan jeda utama antara sewaktu dan selepas era Shah Iran, berlaku perubahan dalam pendirian AS dan hipokrasi adi kuasa tersebut yang tidak mahu membenarkan adanya potensi kuasa nuklear alternatif dari negara yang berbeza pendirian dengan AS dalam pelbagai isu keselamatan, Timur Tengah dan dunia Islam. Bab ini juga mendedahkan status nuklear Iran yang terkini, dan keupayaan sebenar nuklear Iran sebagai antara sumber ancaman keselamatan antarabangsa dan keraguan nuklear sebagai cara untuk Tehran mencabar kepentingan atau menafikan pengaruh AS di Timur Tengah. Hasil perbincangan bab ini merumuskan bahawa tujuan asas pembangunan nuklear Iran ialah untuk membina tenaga elektrik dari sumber nuklear. Tujuan ini tiada bezanya antara Shah Iran, Rafsanjani, Khatami, mahupun Ahmadinejad. Walaupun begitu, Shah Iran pernah berhasrat untuk mencipta senjata nuklear kerana bimbang dan syak terhadap Israel yang pada masa itu yang sudah memiliki senjata nuklear. Atas bantuan Presiden Ford, AS menawarkan bantuan kepada Iran untuk mengekstraksi plutonium dari bahan reaktor nuklear. Malangnya, hasrat ini tidak dapat dirialisasikan ekoran tercetusnya Revolusi Iran pada 1979 yang

menyaksikan bermulanya fasa pemerintahan teokrasi Islam Syiah berbentuk republik dalam sejarah Iran moden. Berbanding dengan amalan di negara Arab dan Teluk yang lain, penjanaan arus elektrik menerusi sumber petroleum dan diesel terikat dengan ketidaktentuan harga pasaran minyak dunia yang disandarkan dengan nilai Dollar AS dalam pasaran tukaran mata wang asing yang menguntungkan AS. Rasional utama pembangunan nuklear Iran sebagai keperluan untuk menjana tenaga elektrik bagi meyokong pembangunan ekonomi dan perindustrian dan mengurangkan kebergantungan Iran dengan sumber tenaga elektrik yang dijana secara konvensional dan terdedah dengan faktor spekulasi pasaran, sifat sumber yang tidak boleh diperbaharui dan implikasi kerosakan ekosistem alam sekitar akibat daripada usaha mencari telaga minyak mentah baru dan memproses mineral asli yang terhad dan kehabisan dalam jangka panjang. Penulis juga turut mengemukakan pandangan Neo-realisme kerana sistem antarabangsa yang anarki dan kecenderungan dalam sesebuah persaingan untuk menganggap negara lain sebagai bentuk ancaman, maka rasional pembangunan nuklear Iran ialah sebagai usaha cegahrintang terhadap ancaman daripada kuasa barat seperti AS dan Israel yang sering dikaitkan dengan ketidak stabilan Timur Tengah. Ini kerana Iran pandangan semesta serta tradisi dasar luar Iran mudah melabel kedua-dua negara ini sebagai punca ketidakamanan di Timur Tengah. Oleh itu, keperluan pembangunan nuklear Iran didasari oleh empat hal, iaitu ketenteraan, politik, sosial, dan ekonomi yang mengandungi unsur simbol kuasa dan prestij. Di samping nuklear menjadi instrumen jaminan terhadap keselamatan negara (jika ia sudah menjadi senjata), sebagai alat pertahanan dari segala ancaman luar kerana Iran dikelilingi oleh 15 sempadan negara, dan sebagai alat untuk memainkan peranan politik yang lebih efektif di rantau.

Pada Bab Empat, perbincangan terkisar pada nuklear dan ketegangan hubungan Washington dengan Tehran akibat daripada perbezaan pendirian AS terhadap Iran pasca 1979. Bab ini juga memaparkan corak dasar luar Iran khususnya pada masa kepimpinan Ahmadinejad, dasar luar AS terhadap program pembangunan nuklear Iran dan ancaman program nuklear Iran terhadap kepentingan AS di Timur Tengah. Secara ringkasnya, bab ini merumuskan bahawa sebelum berlakunya Revolusi Islam di Iran 1979, Tehran dianggap sebagai sekutu penting AS kerana Iran merupakan salah sebuah negara yang berpengaruh di Timur Tengah ketika itu sehingga sangat berpotensi untuk dijadikan sebagai negara penampan atau proksi yang berfungsi sebagai tiang hegemoni Amerika Syarikat di Timur Tengah. Selain itu, Iran juga merupakan negara yang kaya dengan sumber alam, khususnya minyak dan gas, dua sumber yang sangat diperlukan oleh negara industri besar seperti AS. Sebelum berlakunya revolusi, AS juga adalah negara yang menyokong pembinaan nuklear Iran. Bermula daripada 1974, AS memberikan bantuan bekalan elektrik dan uranium yang telah diperkaya untuk mencipta nuklear selama 10 tahun. AS membantu menyediakan keperluan bahan mentah utama untuk program nuklear Iran. Apabila revolusi tercetus, hubungan erat Iran-AS yang telah terjalin sebelum ini terputus. Perubahan ini memberikan impak kepada hubungan dua hala kedua-dua negara. AS yang semenjak awal lagi tidak bersetuju terhadap revolusi yang berlaku di Iran menyebabkan hubungan baik ini terancam. Hubungan kedua-dua negara semakin memburuk pasca pengepungan kedutaan Amerika Syarikat di Tehran yang dilakukan mahasiswa-mahasiswa Iran dan menahan seramai 53 orang warga AS di kedutaan tersebut selama 444 hari. Isu nuklear Iran menjadi peluang terbaik bagi

Amerika Syarikat untuk menghakis pengaruh Iran yang dilihat semakin meluas di Timur Tengah. Ini kerana ia disifatkan oleh Amerika Syarikat dapat mengancam hegemoninya di Timur Tengah. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, Amerika Syarikat perlu mengukuhkan hegemoninya di rantau Timur Tengah. Untuk itu, AS telah memberi tumpuan kepada penguasaan dalam aspek politik, ketenteraan dan ekonomi di Timur Tengah sebagai landasan dalam mencapai matlamatnya. Usaha AS dalam memperkukuhkan pengaruh politik, ketenteraan dan ekonomi ini telah meletakkan kuasa hegemoninya semakin kuat. Atas dasar tekanan dan sekatan yang dilakukan AS menerusi strategi hegemoninya sama ada secara politik, ketenteraan, mahupun ekonomi terhadap Iran di sewaktu kepimpinan Ahmadinejad perlu merubah hala tuju dasar luarnya sebagai cara meminimumkan kesan daripada tekanan dan sekatan AS tersebut. Terdapat lima prinsip yang menjadi panduan dasar luar Iran ketika berada di bawah kepimpinan Ahmadinejad, iaitu mempertahankan kemerdekaan Iran dan kedaulatan negaranya, menolak segala bentuk dominasi dari negara luar, mempertingkatkan hubungan dengan negara-negara jiran di Timur Tengah, dasar pandang ke Timur dan menjalin hubungan dengan negara-negara membangun, dan pembangunan teknologi nuklear.

Iran dan Kepentingan Strategik AS dibincangkan dalam Bab Lima. Menerusi bab ini, penulis cuba mengenal pasti kepentingan strategik AS di Timur Tengah berkaitan dengan program nuklear Iran, kemudian penulis menghuraikannya secara terperinci dan dianalisis dengan menggunakan sudut pandang Neo-realisme. Penulis merumuskan bahawa kebangkitan China ini dilihat boleh mengancam status quo AS sebagai hegemonik global sekaligus akan menjejaskan kepentingan nasionalnya di seluruh dunia, termasuk di Timur Tengah. AS tidak akan membiarkan China menjadi aktor dominan yang memainkan peranan lebih aktif di Timur Tengah. Kepentingan strategik kedua ialah untuk menghalang Iran dari meluaskan pengaruhnya di Timur Tengah dianggap berpotensi mengancam kepentingan AS. Justeru, kuasa besar melakukan langkah-langkah pembendungan bagi menghalang pengaruh dan kuasa Iran dari meluas di Timur Tengah. Antara langkah yang digunakan AS adalah dengan memutuskan hubungan diplomatik (semenjak tercetusnya revolusi 1979), melakukan propaganda, tekanan atau intimidasi, dan sekatan. Langkah-langkah itu menunjukkan bahawa prinsip AS ialah ofensif, iaitu memaksimumkan kuasanya untuk mencapai kepentingan nasionalnya. Maksimum kuasa yang dimaksudkan ialah langkah-langkah memutuskan hubungan diplomatik, propaganda, tekanan atau intimidasi, dan sekatan. Langkah perang untuk masa ini mungkin bukan pilihan yang tepat atas sebab-sebab tertentu, tetapi dari sudut pandang neo-realisme di mana sistem antarabangsa adalah anarki, ia bukan perkara yang mustahil dilakukan AS pada masa hadapan. Kepentingan strategik ketiga ialah memberikan perlindungan ketenteraan kepada negara-negara Arab di Teluk Parsi dan mereka yang menjadi pengeluar minyak. Contoh lain kepentingan sumber minyak apabila AS perlu memastikan bahawa bekalan dan rizab minyak di Teluk Parsi yang dihantar ke seluruh negara, termasuk ke AS, melalui laluan maritim yang melibatkan Teluk Parsi dan Terusan Suez dalam keadaan selamat. Iran masih belum mampu mencipta senjata nuklear sendiri. Nuklear hanya untuk menakut-nakuti dan mempengaruhi dasar negara-negara jiran, mendorong negara jiran, seperti Arab Saudi untuk melakukan perkara yang sama sehingga akan menyebabkan perlumbaan senjata

nuklear di Timur Tengah, dikhuatiri akan memindahkan kepada pihak ketiga dan kumpulan radikal. Iran sedang membangun senjata nuklear. Manakala kepentingan strategik keempat ialah untuk melindungi Israel. AS perlu memastikan keselamatan dan kepentingan Israel terjamin kerana menjaga keselamatan Israel ertinya menjaga kepentingan AS di Timur Tengah. Persepsi Israel terhadap ancaman Iran sangat tinggi. Sekiranya Iran memiliki senjata nuklear, maka kuasa Iran berpotensi besar mengalahkan Israel. Selain itu, Israel juga dikelilingi oleh negara-negara Arab yang umumnya tidak menyokong kewujudan Israel (1948). Tindakan AS yang melindungi Israel dan sentiasa menyokong sikap negara itu berhubung isu nuklear Iran adalah tindakan yang wajar berikutan penglibatan AS sebagai sekutu pembentukan negara Israel. Selain itu, AS dan Israel telah mempersepsikan Iran sebagai ancaman yang boleh menjejaskan kepentingan mereka di Timur Tengah. Mengekalkan dominasi Israel di Timur Tengah akan memudahkan AS mencapai kepentingannya. Amerika Syarikat akan berusaha mengekalkan kuasa hegemoninya bagi memastikan ia tidak digugat oleh negara lain di dunia amnya dan Timur Tengah khususnya. Ringkasnya, AS menggunakan isu nuklear Iran untuk mendapatkan kepentingan strategiknya di Timur Tengah.

Bab Enam secara khusus ialah untuk membincangkan kepentingan ekonomi AS di Timur Tengah berkaitan isu nuklear Iran. Penulis telah mengenal pasti dua kepentingan ekonomi AS berhubung isu nuklear Iran, iaitu kepentingan untuk menguasai sumber minyak di Timur Tengah dan keuntungan dari bisnis penjualan senjata. Kepentingan AS terhadap sumber minyak dilatarbelakangi oleh simpanan minyak AS dalam beberapa tahun terus berkurangan sementara penggunaan dalam sektor pengangkutan, industri, kediaman dan komersil, dan kuasa elektrik yang merupakan sektor utama penggerak ekonomi AS terus mengalami peningkatan. Dalam pada itu, AS merupakan negara pengguna sekaligus pengimport minyak terbesar di dunia dan ini menyebabkan ekonomi kuasa besar itu sangat bergantung kepada import minyak dunia. Pergantungan ini semakin teruk apabila pengeluaran minyak AS sendiri cenderung menurun dari tahun ke tahun. Oleh yang demikian, AS berusaha mencari sumber minyak baharu dari negara lain, termasuk di Timur Tengah. Ini kerana simpanan minyak yang terdapat di rantau ini meliputi 47.9% simpanan minyak dunia. Manakala dari penjualan senjata pula, AS merupakan pengeksport senjata terbesar ke Timur Tengah dengan keuntungan yang diperoleh mencapai USD19,537 juta atau 47.61% dari seluruh nilai penjualan senjata ke Timur Tengah bagi tempoh 2004-2011. Manakala bagi tempoh 2008-2011 meningkat menjadi USD22,642 juta atau 54.24%. Jumlah penjualan senjata Amerika Syarikat ke rantau ini diungguli oleh Rusia, Perancis, dan United Kingdom pada kedua-dua tempoh yang sama. Sebagai rantau yang selalu diliputi konflik, perbalahan, dan perang, penjualan senjata ke Timur Tengah menjadi salah satu faktor yang menguntungkan dari segi ekonomi.

Penulis menyimpulkan bahawa, salah satu perspektif Neo-realisme adalah perihal survival sesebuah negara daripada segala bentuk ancaman keselamatan oleh potensi pesaing atau persenjataan adalah amat penting, maka negara-negara Teluk yang lain perlu menaik taraf keupayaan ketenteraannya dan bergantung dengan bantuan ketenteraan AS bagi membendung ancaman daripada nuklear Iran sehingga mengakibatkan dilema keselamatan yang meningkat. Dalam pada itu, AS berpendirian

bahawa situasi ini adalah peluang terbaik untuk menjual senjatanya ke pasaran Timur Tengah. Pada sisi lain, penjualan senjata ini memberikan keuntungan yang lumayan kepada AS sehingga menjadi salah sebuah negara pengeksport senjata terbesar dalam pasaran Timur Tengah. Memberikan jaminan perlindungan keselamatan kepada negara Teluk daripada ancaman Iran juga merupakan salah satu cara AS mengukuhkan kepentingannya bagi menjayakan kepentingan berkekalan AS, untuk menguasai sumber minyak di Timur Tengah. Sesungguhnya, penegasan perspektif Neo-realisme begitu jelas dalam karya ini. Penulis buku ini yang sememangnya terkenal dengan sumbangan penulisan dalam topik keselamatan kontemporari dan hubungannya dengan Malaysia menegaskan kefahaman mudah. Sistem antarabangsa mengakibatkan kondisi anarki dan pakatan keselamatan kolektif yang bergantung kepada dominasi dan peranan aktif kuasa Barat pimpinan AS adalah kunci kestabilan serta jaminan keamanan dunia. Justeru, mana-mana negara yang berusaha mencabar status quo semasa ini dan berbeza arus pendirian dengan AS dan kuasa barat yang lain di pentas dunia dianggap sebagai aktor yang mengancam dan berisiko tinggi dan mencabar kepentingan geostrategik dan ekonomi AS.

Umumnya, buku ini adalah satu hasil karya antara yang amat baik dan mudah difahami oleh pembaca kerana tidak banyak penulisan ilmiah yang berautoritatif dihasilkan dalam Bahasa Melayu, terutamanya dalam menilai sumber ancaman sebenar di sebalik isu nuklear antara AS dan Iran di Timur Tengah. Keupayaan penulis secara konsisten dalam menegaskan paradoks modus operandi AS dalam politik antarabangsa membawa pembaca untuk menerima keraguan munasabah terhadap muslihat AS dan keperluan untuk kita menolak naratif AS sebagai pelindung dan penjamin keamanan Timur Tengah moden yang berkekalan. Keterbatasan penulisan ini adalah kekurangan penggunaan data terkini dan perkembangan semasa selepas pandemik. Namun perkembangan luar jangka adalah sifat politik antarabangsa yang sukar diramal oleh penganalisis politik antarabangsa dan ini sewajarnya ditambah baik dalam edisi kedua buku ini. Perkembangan kontemporari yang pastinya mengukuhkan perspektif penulis dalam konteks pengaruh dan peranan AS yang semakin beransur-ansur terhakis dan mulai berhadapan dengan pencabar lain, termasuk China menerusi Jalur Laluan Sutera (BRI) serta Rusia yang menjalankan kegiatan ketenteraan aktif dalam mencerooboh Ukrain. Begitu juga dengan peranan Turki dalam konteks dunia Islam dan rantau Arab. Perkembangan mutakhir ini sudah pasti memberi dimensi baharu dalam menegaskan kefahaman popular mengenai peranan AS sebagai polis dunia yang semakin dipertikai dan ditolak umum.

Secara tersiratnya, perkembangan terbaru juga membawa kepada kemungkinan imej Iran yang berbeza di samping mengambil kira faktor persaingan antara Iran dengan proksi utama AS di Semenanjung Arab dan Afrika Timur, iaitu Arab Saudi. Ketika ini, perang sektarian (aliran Sunnah dan Syiah) yang melibatkan kumpulan pemberontak Houthi yang disokong Iran dengan kerajaan pusat Yamen yang disokong Arab Saudi mulai menebar ke kawasan konflik berhampiran Tanduk Afrika. Keruntuhan negara Somalia yang kekal bergelumang sokongan dan bantuan AS untuk mengekang kumpulan radikal tempatan Al-Shabaab serta rangkaian keganasan Al-Qaeda dan militan ISIS. Kehadiran Iran selaku antara pendana keselamatan (*security donor*) dalam

program pembinaan semula in pasukan keselamatan kebangsaan Somalia mulai dibimbangi AS. Sudah pasti, ini membawa tafsiran jaminan dan ancaman keselamatan baharu yang lebih kompleks terhadap nuklear Iran sebagai mengekang pengaruh AS. Tidak mustahil apa yang bermula dengan nuklear dan ketegangan hubungan AS-Iran di Teluk Parsi dan Timur Tengah akan meluas dan mengakibatkan kemungkinan peningkatan sentimen hampir universal dalam menolak peranan polis dunia AS. Kemungkinan peralihan daripada terpusatnya pada isu awal iaitu nuklear dan sekatan AS terhadap Iran kepada perluasan ancaman keselamatan sehingga merentasi pelbagai batasan sempadan rantau Asia, Eropah, Timur Tengah, Afrika Timur beserta keterlibatan pelbagai aktor negara yang mengalami penderitaan interaksi dengan AS adalah igauan ngeri yang tidak mustahil untuk terjadi.

Secara keseluruhan, karya ini sewajarnya dijadikan antara buku rujukan utama dan rujukan para penggubal dasar luar, penganalisis konflik dan strategi campurtangan barat, penyelidik Timur Tengah dalam pelbagai sub-disiplin sains politik, sejarah, strategik serta hal ehwal antarabangsa. Buku ini wajib dimiliki oleh para pembaca serta peminat isu nuklear, keselamatan antarabangsa serta interaksi tidak simetri (seimbang) dalam rangka hubungan AS atau kuasa besar lain dengan negara yang dimomokan sebagai sumber ancaman. Kehadiran AS di pelbagai rantau yang bergolak dan pengalaman masyarakat yang memiliki sudut pandang yang semakin negatif terhadap retorik politik kestabilan dan jaminan order keamanan AS adalah ancamana keselamatan antarabangsa sebenar.